

HARI :	RABU
TARIKH :	11/9/2019
M/SURAT :	37

1,631 tudung tiruan dirampas

ALOR SETAR 10 Sept. - Sebuah premis di Jalan Langgar di sini yang selama ini mengaut keuntungan dengan meniaga tudung berjenama Bawal Exclusive disyaki tiruan berputih mata selepas diserbu pihak berkuasa, hari ini.

Dalam serbuan itu, anggota penguat kuasa dari Bahagian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri merampas sebanyak 1,631 helai tudung Bawal Exclusive yang dianggarkan bernilai RM24,465.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP negeri, Omar Ismail berkata, kesemua rampasan bernilai RM24,465 itu dilakukan selepas pihaknya menerima maklumat dan aduan daripada pemilik cap dagang berkenaan.

Menurutnya, pemeriksaan kira-kira pukul 12 tengah hari ini di premis borong itu mendapati kesemua tudung tersebut menggunakan perihal dagangan palsu yang diedarkan di seluruh negara.

"Pemeriksaan bersama wakil pemilik dagang mendapati kualiti kain dan batu perhiasan yang dijual pihak tersebut berbeza dengan produk asli yang dikeluarkan syarikat yang mempunyai cap dagang.

"Malah, harga yang dijual pemilik premis terbabit juga antara RM10 hingga RM15 se-



OMAR ISMAIL (tengah) bersama pegawai dan anggota KPDNHEP Kedah menunjukkan tudung jenama Bawal Exclusive tiruan yang dirampas dalam serbuan di Alor Setar, semalam.

helai yang jauh berbeza dengan barangan asli iaitu bermula RM50 hingga puluhan ribu ringgit," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Omar berkata, seorang pekerja wanita berusia 28 tahun turut dipanggil untuk diambil keterangan sebelum dibebaskan bagi meneruskan siasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 kerana mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya untuk membekalkan apa-apa barang yang baginya suatu perihal da-

ganagan palsu digunakan.

"Bagi kesalahan pertama melibatkan pertubuhan perbadanan, denda yang dikenakan tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu.

"Manakala, bagi individu atau bukan pertubuhan perbadanan, mereka boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap barang atau penjara sehingga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama serta denda RM20,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan seterusnya.